

**PERATURAN  
PENGANUGERAHAN DIPLOMA  
KOLEJ ISLAM SAINS & TEKNOLOGI**

1. Pelajar semester akhir yang akan menyempurnakan kursus adalah dikehendaki memohon untuk penganugerahan diploma. Pelajar yang mengulang mata pelajaran atau pelajar yang meneruskan pengajian kerana membaiki CGPA tidak perlu memohon untuk penganugerahan pada semester terbabit tetapi, permohonan hendaklah dibuat semasa semester akhir pengajian pelajar .
2. Pelajar-pelajar bukan semester akhir dan pelajar lain selain daripada yang dinyatakan diperenggan 1 di atas adalah tidak layak memohon. Jika sekiranya mereka mengemukakan permohonan, mereka akan dikenakan denda sebanyak RM 25.00.
3. Permohonan hendaklah dibuat dengan mengemukakan Borang KIST/B-HEA/08-01 (dalam 2 salinan) di dalam tempoh tertentu yang ditetapkan oleh kolej. Pelajar hendaklah mengemukakan dan menyerahkan salinan pertama kepada Jabatan HEA. Salinan kedua adalah untuk simpanan pelajar. Kegagalan mengemukakan salinan pertama ke Jabatan HEA adalah dianggap sebagai tidak mengemukakan sebarang permohonan penganugerahan.
4. Tarikh tutup permohonan ialah 30 hari sebelum peperiksaan hujung semester bermula. Permohonan yang diterima dalam tempoh dua(2) minggu selepas tarikh tutup akan dikenakan denda sebanyak RM25.00.
5. Pelajar yang tidak memohon dan / atau mengemukakan borang permohonan ke Jabatan Hal Ehwal Akademik (HEA) selepas tarikh atau tempoh di atas tidak boleh dipertimbangkan. Walau bagaimanapun, mereka bolehlah mengemukakan permohonan masing-masing di dalam tempoh yang ditetapkan dalam semester yang berikutnya.
6. Hanya pelajar yang telah memohon untuk penganugerahan diploma dalam tempoh tersebut sahaja yang boleh disyorkan oleh HEA untuk disahkan oleh Lembaga Akademik sebagai layak dianugerahkan diploma.
7. Permohonan penganugerahan diploma hendaklah dibuat tidak lewat dari dua(2) tahun selepas tamat pengajian. Permohonan yang dibuat atau diterima oleh Pejabat HEA selepas tempoh tersebut tidak boleh dipertimbangkan.

~~~~~

Jabatan Hal Ehwal Akademik  
Kolej Islam Sains & Teknologi

